

# Universiti perlu hasilkan kajian rujukan global

**Putrajaya:** Kementerian Pendidikan mahu universiti memberi tumpuan kepada elemen yang akan mewujudkan ekosistem Pendidikan Tinggi Malaysia yang lebih intelektual serta kondusif dan tidak hanya menumpukan kepada ranking semata-mata.

Menteri, Dr Maszlee Malik, berkata universiti awam (UA) dan swasta perlu menghasilkan kajian yang boleh dirujuk pada peringkat global dan mampu menyelesaikan masalah masyarakat serta negara.

“Kita mahu Malaysia menjadi watan kepada universiti bagi menghasilkan akademik berte-raskan integriti dan tanggungjawab sosial.

“Semua universiti perlu mempunyai keupayaan menghasilkan graduan pelbagai bakat seperti kalis masa depan, cecal dan sentiasa mempunyai

daya terhadap perpaduan,” katanya selepas mengumumkan kedudukan universiti awam dan swasta Malaysia menerusi penarafan Quacquarelli Symonds (QS) World University Rankings 2020, di sini, semalam.

Mengulas senarai itu, beliau berkata, universiti di Malaysia sama ada UA mahupun swasta seharusnya melahirkan graduan holistik bercirikan Revolusi Industri 4.0.

## **Hab pendidikan tinggi**

Dr Maszlee berkata, dalam menuju ke arah Revolusi Industri 4.0, kerajaan kini berada di landasan tepat dalam menyediakan institusi pendidikan tinggi yang berkualiti.

“Ia secara tidak langsung menempatkan Malaysia sebagai hab pendidikan tinggi di rantau ini dan akan menjadikan universiti di negara ini sebagai pi-



**Maszlee mengucapkan tahniah** kepada Naib Canselor Universiti Malaya, Datuk Ir Dr Abdul Rahim Hashim (kiri) pada sidang media di Putrajaya, semalam.

lian pelajar antarabangsa melanjutkan pelajaran,” katanya.

Lima UA menunjukkan peningkatan membanggakan berbanding tahun lalu, dalam senarai baharu Laporan QS WUR2020 yang dikeluarkan kelmarin.

Paling membanggakan apabila Universiti Malaya (UM), disenaraikan antara 70 universiti terbaik di dunia berbanding tempat ke-87 tahun lalu.

Universiti Putra Malaysia (UPM) mencapai peningkatan tertinggi apabila melonjak 43 anak tangga kepada kedudukan ke-159 berbanding 202 sebelum ini.

Tiga lagi UA menunjukkan peningkatan iaitu Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) di tempat ke-160, Universiti Sains Malaysia (USM) ke-165, dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di kedudukan ke-217.